

Levy and  
payment of  
customs duties.  
P.U. (A) 405/87.

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1988, the value of each of the dutiable goods specified in columns 1 and 2 of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column 3 of the Schedule shall be the value specified in column 4 of the said Schedule.

Revocation.  
P.U. (A) 138/96.

3. The Customs (Values) (Palm Oil and Palm Kernel) (No. 3) Order 1996 is revoked.

JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	No. Kepala (Heading No.)	Yunit (Unit)	Nilai (Value)
Palm Oil:			
Crude	1511.10 000	tonne	RM1,387.19
Processed	1511.90 990, 1516.20 149, 1517.90 529, dan 1518.00 239	} tonne	RM1,238.24
	1516.20 130, 1517.90 524, 1518.00 231		
Palm Kernel	1207.10 100	tonne	RM1,119.28

Diperbuat pada 25 April 1996.

Made the 25th April 1996.

[KE. HE. (34.11) 819/03-6/(18); Try. (8.20) 116/1-4;  
PN. (PU<sup>2</sup>) 338/VIII.]

Dengan arahan Menteri Kewangan.  
By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,  
On behalf and in the name of the Minister of Finance,

DATO' ISKANDAR DZAKURNAIN BIN BADARUDIN,  
Setiausaha,  
Bahagian Analisa Cukai

P.U. (A) 195.

AKTA FEE 1951

PERINTAH FEE (KEMUDAHAN) (INSTITUT PENGURUSAN VETERINAR,  
JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN) 1996

Akta 209.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fee 1951, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan mula  
berkuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fee (Kemudahan) (Institut Pengurusan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Mei 1996.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki Tafsiran.  
makna yang lain—

“Institut” ertinya Institut Pengurusan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, K.M. 17.6, Jalan Cheras, Kajang, Selangor;

“sehari” ertinya dari 8.00 pagi hingga 4.15 petang bagi hari Isnin hingga Jumaat dan dari 8.00 pagi hingga 12.45 tengahari bagi hari Sabtu;

“setengah hari” ertinya dari 8.00 pagi hingga 12.45 tengahari.

3. (1) Fee dan bayaran yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual hendaklah dikenakan oleh Institut berkenaan dengan kemudahan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual tersebut. Fee dan bayaran.

(2) Pakej bagi penggunaan kemudahan untuk seminar, kursus atau mesyuarat beserta dengan kemudahan penggunaan auditorium, bilik kuliah atau bilik mesyuarat dan peralatan, minum pagi, makan tengahari, minum petang tidak termasuk yuran pendaftaran dan penginapan, bayaran hendaklah seperti berikut:

(i) *Agensi Swasta*

RM25.00 seorang/sehari;

(ii) *Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun*

RM20.00 seorang/sehari.

(3) Pakej penggunaan kemudahan untuk seminar, kursus atau mesyuarat untuk sehari termasuk penginapan di bilik biasa, makan dan minum dan penggunaan kemudahan rekreasi tidak termasuk yuran pendaftaran, bayaran hendaklah seperti berikut:

(i) *Agensi Swasta*

RM50.00 seorang/setiap hari;

(ii) *Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun*

RM45.00 seorang/setiap hari.

(4) Yuran pendaftaran bagi kursus, bengkel atau seminar hendaklah dikenakan seperti berikut:

(i) *Agensi Swasta*

RM30.00 seorang;

(ii) *Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun*

RM20.00 seorang.

4. (1) Fee dan bayaran yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar kepada Institut oleh orang yang baginya kemudahan itu diadakan. Pembayaran fee dan bayaran.

(2) Semua fee dan bayaran yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar sepenuhnya.

Remitan.

5. Pengarah Institut boleh, menurut budi bicaranya dalam sesuatu kes tertentu meremit sama ada kesemua atau sebahagiannya manamana fee atau bayaran yang dinyatakan di bawah Perintah ini.

Pengecualian.

6. (i) Kemudahan untuk seminar, bengkel, kursus, mesyuarat dan majlis rasmi yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan adalah dikecualikan daripada Perintah ini;

(ii) Walau apa pun yang diperuntukkan di perenggan (i), setiap peserta yang menghadiri seminar, bengkel dan kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan hendaklah membayar yuran pendaftaran RM20.00 seorang.

## JADUAL

## [Subperenggan 3(1)]

## FEE DAN BAYARAN YANG KENA DIBAYAR UNTUK KEMUDAHAN

(1) <i>Kemudahan</i>	(2) <i>Fee/Bayaran (RM)</i>	
	(a)	(b)
	<i>Agensi Swasta</i>	<i>Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun</i>
1. Bilik Kediaman:		
(a) bilik satu berhawa dingin	60.00 seorang sehari	50.00 seorang sehari
(b) bilik biasa bagi 2 orang	50.00 seorang sehari	40.00 seorang sehari
(c) bilik biasa bagi 3 orang	45.00 seorang sehari	36.00 seorang sehari
(d) bilik biasa bagi 4 orang	40.00 seorang sehari	30.00 seorang sehari
2. Makanan dan minuman:		
(a) sarapan pagi	3.00 seorang sehari	3.00 seorang sehari
(b) minum pagi	2.50 seorang sehari	2.00 seorang sehari
(c) makan tengahari	10.00 seorang sehari	8.00 seorang sehari
(d) minum petang	2.50 seorang sehari	2.00 seorang sehari
(e) makan malam	10.00 seorang sehari	8.00 seorang sehari
(f) makan lewat malam	2.00 seorang sehari	2.00 seorang sehari

	(a)		(b)	
	Agensi Swasta		Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun	
	sehari	sejam	sehari	sejam
3. Auditorium, bilik kuliah dan lain-lain kemudahan yang berkaitan:				
(a) auditorium dan peralatan alat pandang dengar	200.00	30.00	150.00	20.00
(b) bilik kuliah dan peralatan	80.00	15.00	60.00	10.00
(c) bilik bengkel dan peralatan	60.00	10.00	50.00	10.00
(d) bilik pandang dengar dan peralatan	—	30.00	—	10.00
(e) bilik mesyuarat dan peralatan	80.00	15.00	60.00	10.00
(f) bilik komputer dan peralatan	100.00	20.00	80.00	10.00

Dibuat 8 April 1996.  
[KP/LA/494/7; PN. (PU<sup>2</sup>) 86/VII.]

Dengan Titah Perintah,

DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
*Menteri Pertanian*

(Akan dibentangkan di meja Dewan Rakyat menurut seksyen 4  
Akta Fee 1951.)

### FEES ACT 1951

#### FEES (FACILITIES) (INSTITUTE OF VETERINARY MANAGEMENT, DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES) ORDER 1996

IN exercise of the powers conferred by sections 3 and 10 of the Fees Act 1951, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order: Act 209.

1. This order may be cited as the **Fees (Facilities) (Institute of Veterinary Management, Department of Veterinary Services) Order 1996** and shall come into force on 1 May 1996. Citation and commencement.

2. In this Order, unless the context otherwise requires— Interpretation.

“day” means from 8.00 a.m. to 4.15 p.m. for Monday to Friday and from 8.00 a.m. to 12.45 p.m. for Saturday;

“half day” means from 8.00 a.m. to 12.45 p.m.;

“Institute” means the Institute of Veterinary Management, Department of Veterinary Services, K.M. 17.6, Jalan Cheras, Kajang, Selangor.

Fees and  
payment.

3. (1) The fees and payments prescribed in column (2) of the Schedule shall be charged by the Institute in respect of the facilities specified in column (1) of the Schedule.

(2) The package for the use of the facilities for seminars, courses or meetings with the facilities of auditorium, lecture or meeting room and equipment, morning tea, lunch, tea not inclusive of the registration fee and lodging, the payment shall be as follows:

(i) *Private Agency*

RM25.00 per person/per day;

(ii) *Government Department/Statutory Body*

RM20.00 per person/per day.

(3) The package for the use of the facilities for seminars, courses or meetings with lodging in ordinary room, food and beverages, recreation facilities but not inclusive of registration fees, the payment shall be as follows:

(i) *Private Agency*

RM50.00 per person/per day;

(ii) *Government Department/Statutory Body*

RM45.00 per person/per day.

(4) The registration fees for courses, workshops or seminars shall be payable as follows:

(i) *Private Agency*

RM30.00 per person;

(ii) *Government Department/Statutory Body*

RM20.00 per person.

Payment of fees  
and payments.

4. (1) The fees and payments prescribed under this Order shall be payable to the Institute by persons to whom the facilities are made available.

(2) All fees and payments prescribed under this Order shall be payable in full.

Remission.

5. The Director of the Institute may, in his discretion in any particular case remit either wholly or in part any fee or payment specified in this Order.

6. (i) The use of facilities for seminars, workshops, courses, meetings and official ceremonies organised by the Department of Veterinary Services shall be exempted from this Order; Exemption.
- (ii) Notwithstanding the provision of paragraph (i), every participant attending the seminar, workshop and courses organised by the Veterinary Department shall pay the registration fees of RM20.00 each.

## SCHEDULE

## [Subparagraph 3(1)]

## FEES AND PAYMENTS PAYABLE FOR FACILITIES

(1) <i>Facilities</i>	(2) <i>Fees/Payments (RM)</i>	
	(a) <i>Private Agency</i>	(b) <i>Government Department/ Statutory Body</i>
1. Lodging:		
(a) single room with air-condition	60.00 per person per day	50.00 per person per day
(b) ordinary room for 2 person	50.00 per person per day	40.00 per person per day
(c) ordinary room for 3 person	45.00 per person per day	36.00 per person per day
(d) ordinary room for 4 person	40.00 per person per day	30.00 per person per day
2. Food and beverages:		
(a) breakfast	3.00 per person per day	3.00 per person per day
(b) morning tea	2.50 per person per day	2.00 per person per day
(c) lunch	10.00 per person per day	8.00 per person per day
(d) tea	2.50 per person per day	2.00 per person per day
(e) dinner	10.00 per person per day	8.00 per person per day
(f) supper	2.00 per person per day	2.00 per person per day

	(a)		(b)	
	Private Agency		Government Department/ Statutory Body	
	per day	per hour	per day	per hour
3. Auditorium, lecture room and related facilities:				
(a) auditorium and audio visual equipment	200.00	30.00	150.00	20.00
(b) lecture room and equipment	80.00	15.00	60.00	10.00
(c) workshop room and equipment	60.00	10.00	50.00	10.00
(d) audio visual room and equipment	—	30.00	—	10.00
(e) meeting room and equipment	80.00	15.00	60.00	10.00
(f) computer room and equipment	100.00	20.00	80.00	10.00

Made 8 April 1996.  
[KP/LA/494/7; PN. (PU<sup>2</sup>) 86/VII.]

By Command,

DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
*Minister of Agriculture*

(To be laid on the table of the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Fees Act 1951.)

### P.U. (A) 196.

#### AKTA EKSAIS 1976

#### PERINTAH DUTI EKSAIS (PENGECCUALIAN SEPARA) (PINDAAN) (No. 4) 1996

*Akta 176.*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1) Akta Eksais 1976, Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama, mula  
berkuatkuasa dan  
pemakaian.

1. (i) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Eksais (Pengecualian Separat) (Pindaan) (No. 4) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa 1 Mei 1996.

(ii) Perintah ini hendaklah terpakai hanya bagi Malaysia Barat.